

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MEI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Yes to more teacher transfers	The Star
2.	TPM comes of age	The Sun
3.	Malam Puisi Riong semarakkan semangat Negaraku	Berita Harian
4.	AIM bantu maju perusahaan Normah Putu Kacang	Berita Harian
5.	PUNB terima sijil daripada SIRIM	KOSMO

Yes to more teacher transfers

Ministry hopes to encourage better working environment

By SHARANPAL SINGH RANDHAWA
sharanpal@thestar.com.my

ALOR SETAR: The Education Ministry will increase the approval rate of transfer requests by teachers from an annual 20% previously to 25% this year.

Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said the 5% increase was due to the increasing number of applications received and to allow a better working and teaching environment for teachers.

So far this year, the ministry received a total of 20,470 applications, of which 2,825 or 13.8% were approved, he said.

"Among the reasons stated for requesting a transfer were staying apart from their spouses, chronic illnesses, security threats and having served for too long in a state," Mahdzir told a press conference in Kuala Nerang near here yesterday after being briefed on the June 2017 teacher transfer request.

He said priority would be given to teachers living apart from their husbands, who comprised 6,635 of the applicants, of which 2,261 were approved.

The reasons for other applications included chronic illness, of which 37 out of 674 applications were approved, security threats, of which 15 out of 139 applications



Well done: Mahdzir (centre) admiring a project by pupils of SK Mengkabong during a visit to the school in Tuaran, Sabah. Looking on is Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau (in dark blue shirt). — Bernama

were approved, and having served in a state for a long time, of which 168 out of 4,126 applications were approved.

Mahdzir also called on new graduate teachers who would receive their postings in July to accept them with an open mind, even if they are posted to states or places which are not their choice.

"This would smoothen all trans-

fers and the process of filling up of vacancies.

"We hope that they will accept the posting and stay for at least three years before they request a transfer."

"We don't want teachers who accept a posting for the sake of accepting it and then submit a transfer request after six months," he added.

We hope that they (teachers) will ... stay for at least three years before they request a transfer.

Datuk Seri Mahdzir Khalid

TPM comes of age

> Technology Park Malaysia turns 21, nurturing firms in engineering, ICT, biotech and greentech

BY V. RAGANANTHINI
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Technology Park Malaysia (TPM) Corp Sdn Bhd, which started its incubative programme in 1996 with just space leasing for engineering based companies in the Bukit Jalil technology park, has evolved over the years to nurture and aid the growth of companies from the ideation stage up to commercialisation.

TPM, a company owned by Minister of Finance Incorporated and under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation, entered its 4th Generation Incubation Model in 2008 and has evolved from engineering to ICT, Bio Nexus and Green Tech over the years.

As at 2016, the number of incubatees stood at 861 of which 233 are graduate incubatees.

Some 241 products have been launched and 22 Intellectual Property's registered, which according to TPM's statistics, have raked in some RM604.2 million in domestic revenue and RM8.1 million in export revenue.

Under the 4th Generation, TPM offers handholding programmes such as technical

and business advisory, provision of facilities for production and labs, amenities, collaborative arrangements with institutes of higher learning and research institutes, connecting with industry players and providing funding arrangements through their own schemes, or by matching companies to relevant government grants and alternative fundings.

Also with its virtual incubation programme launched in 2014, companies can also seek virtual business services, while companies that choose to station in the park can physically incubate.

Besides that TPM has added new initiatives into its existing incubation programme.

The new initiatives launched on March 16 comprises a mentoring scheme known as the Star Gazer, a new fund known as the technopreneur facilitation fund with a quantum of up to RM50,000 and a business planning tool known as the strategic playbook.

To internationalise the incubation programme TPM had signed a memorandum of understanding with the National Chiao Tung University of Taiwan for a co-incubation programme to enable local and Taiwanese incubatees to cross explore both markets while riding on expertise from both countries.

With that and in view of the trying current economic times, senior vice-president of the park's management and services Shahazman Abu Samah, said TPM is putting in place some initiatives to

"reduce some risks by 20-30%" that start-up's and small and medium enterprises (SME) in the science, technology and innovation sectors might face, echoing the risk for this sector is much higher in terms of machinery investments, developing labs and infrastructure as well as securing fundings goes.

"We would like to bring in more start-up's and SME's into TPM because we know that economically we are facing a little bit of a challenge. We do have space for them as well as the land for them to come and set up," he said adding that TPM will be able to offer such rates due to the model it operates on. According to Shahazman, there is still a shortage of local talents, hence it is vital to create more successful homegrown companies in order for talents to flourish.

"We want to create more successes amongst companies. When they are successful, they will be employers. That is the game we are playing. Contributions to the economy will come as more and more companies in TPM are successful," he said.

Some of the companies which have benefited from the programme are upstream oil and gas products designer MIT Technologies Sdn Bhd; energy efficient LED bulb solution provider Callotec Sdn Bhd and GeneNews Diagnostics, a creator of Colonsentry, a colon cancer detector.

So far there are 108 incubation centres in the country which are still active out of the initial 132. Eight are dormant and the remaining closed.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SASTERA & BUDAYA) : MUKA SURAT 79
TARIKH : 29 MEI 2017 (ISNIN)



Kumpulan Les Properpella membuat persembahan pada Malam Puisi Riong siri ketiga di Balai Berita NSTP di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Malam Puisi Riong semarakkan semangat Negaraku

• Tokoh, penyair pilih karya memiliki maksud patriotisme, cintakan negara yang mendalam

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Lagu patriotik Tanah Pusaka yang dilakukan kumpulan pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ternyata mempunyai aura tersendiri apabila dinyanyikan pada pembukaan Malam Puisi Riong siri ketiga di Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini.

Lirik dengan kekuatan frasa seperti 'musuh melanggar gemur, sungguh rela kugugur kerana kau tanah pusaka, biar putih tulang jangan putih mata menjelaskan puisi bukan hanya menyemarakkan dunia seni dan sastera tanah air, bahkan medan menaikkan semangat kebangsaan.'

Hal ini dapat dilihat apabila barisan penyair yang menjayakan Malam Puisi Riong. Karya Negaraku bersungguh-sungguh menghayati bait puisi yang dilafazkan.

Sin Woon curi tumpuan

Malah Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon yang dijemput untuk merasmikan majlis tidak ketinggalan mendeklamasikan sajak tulisan Marsli NO, Negeri Ini. Anak.

Pujian harus diberikan kepada Sin Woon kerana memilih sendiri sajak yang cukup baik dengan setiap bait katanya membawa maksud yang sangat mendalam.

*Di negeri ini anak,
mari kita hidup tanpa cingaga
atau rasa berbeza.
Siapa di sini adalah uarganya,
kerana meski putih atau hitam,
darahnya tetap merah.
Darahnya tetap merah.*

Barisan penyair lain tidak ku-rang hebatnya, masing-masing menghayati tema Negaraku yang antara lain menjadi inisiatif untuk semua rakyat Malaysia bersatu-hati, bertunjangkan semangat cintakan Malaysia.

• Ketua Dua, Gabungan Persatuan



NEGARAKU



Sin Woon mendeklamasikan sajak bertajuk Negeri Ini. Anak.

[FOTO HAFIZ SOHAMI BH]



Persembahan bertenaga daripada Ramry.



Yusuf mendeklamasi sajak dengan gaya tersendiri.

Nasional Malaysia (GAPENA), Ami-ruddin Md Ali Hanafiah tampil sinikal tetapi memiliki mesej mendalam dengan sajak Rumah Bangsa Kita, manakala Sasterawan Ne-gara (SN) Datuk Dr Zurnnah Hassan memilih lagu berendoi yang menghantarkan mesaj kesetiaan kepada negara dan kedaulatannya.

Sementara itu, Khai Bahar yang baru sahaja mengungguli kategori Artis Baharu Lelaki Popular dan Penyanyi Lelaki Popular, Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) 3.0 ternyata mendapat sambutan hangat dengan lagu Bayang.

Keletah personaliti TV3, Ahmad Fedri Yahya selaku pengacara majlis memang sentiasa spontan dan menarik perhatian apabila beliau bukan sahaja bijak mengawal majlis, tetapi usikan beliau kepada hadirin sangat mencuit.

Turut mendeklamasi puisi, Pengarang Bersekutu Berita dan Integrasi Media BH, M Thilimadan; Pegawai Waran II Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Ramry Bojeng; Pegawai Perancang Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), E Pian Pro Poul dan Timbalan Ketua Polis Balai, Balai Polis Larkin, IPD Johor Bahru Selatan, Sarjan Mejar Yusuf Ramji.

Malah, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Madya Dr Ramzali Darmbul meninggalkan pesan yang boleh dibawa pulang penonton khususnya generasi mudah dari kalangan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bagi yang pernah menyaksikan serbu bunga diterbangkan angin mereka tidak semudahnya menjurangkan jambangan mawar. Bagi yang pernah merasakan serbu kota digegarkan badai mereka tidak semurahnya menggadaikan sejarah lama.

Malam Puisi Riong. Karya Ne-garaku turut mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN : MUKA SURAT 8
TARIKH : 29 MEI 2017 (ISNIN)**

AIM bantu maju perusahaan Normah Putu Kacang



Normah menunjukkan produk putu kacang yang dihasilkan di Kampung Lalang, Kuala Kangsar.

FOTO MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI BH

Kuala Kangsar: Bermula dengan pinjaman sebanyak RM500 melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) 20 tahun lalu, produk putu kacang jenama Normah Putu Kacang yang diusahakan Normah Ahmad, kini mendapat tempat dan cukup dikenali.

Sehingga kini Normah, 52, meminjam sebanyak RM230,000 daripada AIM dan 87 peratus daripada pinjaman itu sudah dibayar balik.

"Tidak sekadar memberi pinjaman, AIM turut menganugerahkan geran RM20,000 pada 2015 kepada saya bagi membantu memudahkan kerja pembungkusan dan meletakkan papan tanda perniagaan di bengkel penghasilan putu kacang yang terletak berse-

belahan dengan rumah," katanya ketika ditemui di Kampung Lalang, di sini.

Normah berkata, hasil usaha gigihnya, Putu Kacang Normah diketraf AIM untuk menerima Anugerah Sahabat Berjaya Parlimen Padang Rengas pada 2016 selain menerima penghargaan daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan di bawah program Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

Dapat bantuan agensi lain
Katanya, selain AIM, beberapa agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta Pejabat Parlimen Padang Rengas turut membantu

mengembangkan perniagaan melalui program jalinan antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Kumpulan SIRIM Bhd.

"PPK berperanan besar membantu pembinaan bengkel penghasilan putu kacang manakala Jabatan Pertanian menyumbang geran dalam bentuk peralatan yang diperlukan ketika proses pembuatan putu kacang.

"Dalam sehari saya mampu menghasilkan 10,800 biji putu kacang dengan bantuan empat pekerja tetap dan jumlah itu meningkat sehingga empat kali ganda menjelang musim perayaan dengan tambahan beberapa pekerja sambilan," katanya.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 29 MEI 2017 (ISNIN)**



MOHD. ALI (tengah) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PUNB, Abdul Jammi Abdul Karim menerima sijil ISO/IEC 27001:2013 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PUNB terima sijil daripada SIRIM

KUALA LUMPUR — Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB) menerima sijil ISO IEC 27001:2013 Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd., sebuah badan pensijilan, pemeriksaan dan ujian di negara ini.

ISO IEC 27001:2013 merupakan satu piawaian bertulis yang menggariskan asas-asas utama bagi mewujud, melaksana, menyelenggara dan menambah baik sistem pengurusan keselamatan maklumat dalam sebuah organisasi.

Pengerusi PUNB, Tan Sri Mohd. Ali Mohd. Rustam berkata, pensijilan daripada badan antarabangsa itu adalah penting supaya pihak berkepentingan seperti usahawan dan pembekal akan merasa selamat dan yakin terhadap PUNB.

"Ini kerana PUNB mengurus dan menggunakan semua maklumat secara cekap dan sistematik untuk mengurangkan risiko-risiko yang memungkinkan berlakunya kebocoran ataupun kecurian maklumat tersebut. "Oleh itu, risiko kerosakan, kehilangan,

kebocoran dan salah guna maklumat oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dapat dikurangkan secara efektif.

"Selain itu, sijil ISO IEC 27001:2013 ini juga akan meletakkan PUNB dalam liga syarikat-syarikat bertaraf global yang mengamalkan tadbir urus dan kredibiliti tinggi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sijil ISO/IEC 27001:2013 yang diperoleh pada 12 Mei lalu mempunyai tempoh sah laku selama tiga tahun bermula Mei 2017 hingga Mei 2020.